

Beri peluang bekas banduan perbetul kesilapan

Pendedahan eksklusif BH bahawa hampir 90 peratus bekas banduan disisih, perlu dilihat sebagai masalah sosial yang serius.

Antara punca mereka terpaksa meneruskan kehidupan secara gelandangan ialah kerana ahli keluarga tidak mahu menerima, di samping mereka sendiri tidak mahu menemui keluarga.

Antara bekas banduan yang sukar meneruskan kehidupan selepas keluar dari penjara ialah bekas penagih dadah.

Kita hairan perkara ini masih berlarutan. Ternyata keluarga dan masyarakat masih berat hati memaafkan dan menerima semula bekas banduan sebagai sebahagian anggota keluarga dan masyarakat.

Hakikatnya mereka wajar mendapat peluang kedua un-

tuk memperbetulkan kesilapan lampau dan meneruskan kehidupan.

Kita akui pembabitan mereka dalam dadah dan pelbagai jenayah lain adalah tindakan sukar diterima dan dimaafkan, tetapi tidak salah berlapang dada, berfikiran positif dan membantu mereka membina hidup baharu terutama keluarga sendiri. Mereka juga sudah menjalani hukuman setimpal.

Datangkan mudarat

Masyarakat perlu sedar tindakan menyisihkan mereka boleh mendatangkan lebih banyak kemudatan.

Mereka akan rasa diri tidak berguna dan ini menambahkan tekanan seterusnya mendorong mereka kembali terjebak kancah jenayah lampau.

Ini bukan saja merosakkan

mereka, malah boleh mendatangkan pelbagai ancaman keselamatan kepada masyarakat. Apakah kita mahu menjadi punca mereka kembali terjebak jenayah?

Sebenarnya masyarakat boleh memainkan peranan besar membantu memulihkan bekas banduan secara berterusan. Kita perlu sedar pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab memulihkan mereka di penjara. Jadi masyarakat perlu memikul tanggungjawab untuk meneruskan peranan pihak penjara itu.

Antaranya jangan sesekali memandang hina bekas banduan. Ubahlah persepsi dan pandangan terhadap bekas banduan. Mereka juga manusia biasa yang memerlukan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar untuk perbaiki kesilapan lalu.

Jangan kita terlalu berprasangka buruk sehingga langsung tidak mahu ambil mereka bekerja kerana takut mereka mengulangi kesilapan lampau.

Jika masyarakat tidak mahu memberi peluang pekerjaan, apa lagi pilihan yang mereka ada untuk mendapatkan sesuap nasi.

Ahli keluarga juga perlu memainkan peranan proaktif, dengan memberi dorongan dan sokongan moral kepada mereka supaya tidak malu untuk kembali ke pangkuan keluarga. Maafkanlah mereka dan terimalah mereka dengan seadanya.

Noor Mohamad Shakil Hameed,

Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM)